



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1984
DR.43/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1984.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak adalah dipinda—

Pindaan seksyen 4. Sarawak Bab 110.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “and who” yang terdapat selepas perkataan-perkataan “Bachelor of Laws” dalam perenggan (cc) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “or to whom the Qualifying Board established under the Legal Profession Act 1976 has awarded a Certificate in Legal Practice and who has been a Magistrate of the First Class in the State of Sarawak for a period of not less than twelve months or”; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “or Brunei” yang terdapat dalam subperenggan (iii) perenggan (c) subseksyen (2) dan yang terdapat dua kali dalam subseksyen (3).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membolehkan seseorang yang telah menamatkan dengan memuaskan hati kursus yang diselenggarakan oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah

Akta Profesion Undang-Undang 1976 yang bertujuan mendapatkan Sijil Amalan Undang-Undang supaya diterima sebagai peguambela di Sarawak dengan syarat bahawa dia mempunyai kaitan dengan Negeri Sarawak dan telah menjadi pelatih, atau telah menjalani latihan guaman di kamar, Peguam Besar Negeri, atau seorang peguambela yang telah menjalankan amalan secara sah di beberapa bahagian dalam Malaysia bagi tempoh tidak kurang dari lima tahun sebelum sahaja orang itu menjadi pelatihnya atau mula menjalankan latihan guaman di kamarnya, bagi suatu tempoh selama dua belas bulan.

Rang Undang-Undang ini juga memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang telah menjadi Majistret Kelas Satu di Negeri Sarawak bagi tempoh tidak kurang dari dua belas bulan, dengan syarat dia telah memenuhi kehendak-kehendak lain dalam perenggan (cc) subseksyen (1) seksyen 4 Ordinan, boleh juga diterima sebagai seorang peguambela. Pindaan memotong perkataan-perkataan "or Brunei" adalah berbangkit dari penghapusan Mahkamah Agung bagi Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1298.]